


GARIS PANDUAN PERANCANGAN 'BACKPACKERS HOTEL' DI WPKL



JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

SEPTEMBER 2017

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.0	PENDAHULUAN	3
2.0	TUJUAN	4
3.0	OBJEKTIF	4
4.0	SKOP	4
5.0	DEFINISI BACKPACKERS HOTEL	5
6.0	GARIS PANDUAN UMUM	6
7.0	GARIS PANDUAN PREMIS	7
8.0	TARIKH KUATKUASA	18

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

1.0 PENDAHULUAN

- Trend permintaan ruang penginapan di kalangan pengguna pada masa kini telah mengalami perubahan daripada penginapan di hotel konvensional kepada penginapan di hotel yang ringkas, harga yang berpatutan dan mempunyai rekabentuk yang mudah.
- Salah satu daripada konsep pembangunan hotel tersebut adalah 'Backpackers Hotel'.
- Pembangunan 'Backpackers Hotel' adalah bertujuan untuk memenuhi **permintaan penginapan pelancongan sahaja dan tidak boleh dijadikan asrama pekerja.**
- Untuk itu, garis panduan khusus perlu disediakan yang merangkumi aspek kesesuaian gunatanah, lokasi dan kemudahan yang perlu disediakan bagi pembangunan 'Backpackers Hotel'.

2.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan keperluan perancangan bagi penubuhan 'Backpackers Hotel' di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.0 OBJEKTIF

- a. Memastikan penubuhan 'Backpackers Hotel' menepati keperluan asas perancangan bagi tujuan keselamatan dan keselesaan.
- b. Memastikan penubuhan 'Backpackers Hotel' bersesuaian dengan pembangunan di kawasan sekitar.

4.0 SKOP

Garis panduan ini diguna pakai bagi mempertimbangkan permohonan kebenaran perancangan berkaitan cadangan pembangunan baru serta penukaran kegunaan bangunan sedia ada kepada 'Backpackers Hotel'.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

5.0 DEFINISI BACKPACKERS HOTEL

Berdasarkan kepada Tourism Australia, 'Backpackers Hotel' adalah premis yang menyediakan penginapan pada harga rendah kepada pelancong untuk tujuan istirahat, membersihkan diri dan pakaian. Dahulunya, 'Backpackers Hotel' adalah penginapan berbentuk asrama dengan kemudahan tertentu. Pada masa kini, penginapan ini telah mengalami perubahan dari segi kualiti perkhidmatan seperti pelbagai pilihan bilik, penyediaan makanan dan minuman serta pendingin hawa.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam laman sahaja

6.0 GARIS PANDUAN UMUM

- a. Penginapan di Backpackers Hotel adalah berbentuk penginapan jangka pendek (daily checkout) dan tidak dibenarkan untuk menginap bagi tempoh masa yang lama.
- b. Zon Gunatanah / Lokasi Yang Dibenarkan:
 - Zon Perdagangan Pusat Bandar Raya.
 - Kawasan Zon Perancangan Transit (TPZ).
 - Kawasan berhampiran pusat institusi / pusat perubatan / pusat tarikan pelancong (dalam radius 400 meter dari pusat tersebut).

(Nota : Kawasan yang tidak tersenarai dalam lokasi di atas adalah tidak dibenarkan untuk tujuan 'hotel backpackers')
- c. Bagi setiap permohonan cadangan pembangunan Backpackers Hotel, bilangan katil perlu dinyatakan dalam tajuk permohonan.
- d. Cadangan pembangunan Backpackers Hotel adalah berdasarkan kepada keperluan minimum 350 kaki padu per orang.

7.0 GARIS PANDUAN PREMIS

Kriteria Perancangan	Garis Panduan
1. CIRI- CIRI REKABENTUK	
Dormitory	<ul style="list-style-type: none">• Saiz minimum 'dorm' adalah 140 kp.• bilangan minimum katil adalah 4 katil.• dilengkapi dengan kemudahan tempat tidur sahaja.• 'Dorm' untuk wanita (female dorm) perlu disediakan secara berasingan.
Bilik Individu	<ul style="list-style-type: none">• Saiz minimum bilik adalah 70 kp dengan bilangan orang yang menginap ialah 2 orang.• dilengkapi dengan kemudahan tempat tidur sahaja.
2. KEMUDAHAN YANG PERLU DISEDIAKAN	
Bilik air	<ul style="list-style-type: none">• Hendaklah disediakan secara berpusat di setiap tingkat.• Hendaklah disediakan secara berasingan mengikut jantina.• Bilangan bilik air hendaklah disediakan mengikut kadar 1 bilik air / 8 katil.• Bilik air hendaklah dilengkapi dengan 2 'shower' dan 1 tandas.

7.0 GARIS PANDUAN PREMIS

Kriteria Perancangan	Garis Panduan
2. KEMUDAHAN YANG PERLU DISEDIAKAN	
Bilik solat	<ul style="list-style-type: none">• Hendaklah disediakan bagi hotel yang mempunyai lebih 40 katil.• Luas minimum ialah 100 kaki persegi beserta ruang wuduk berasingan untuk lelaki dan perempuan.• Lokasi bilik solat hendaklah disesuaikan dengan arah kiblat.
Locker	<ul style="list-style-type: none">• Disediakan secara berpusat atau di setiap bilik.
Ruang 'Pantry'	<ul style="list-style-type: none">• Dilengkapi dengan ruang mencuci (sinki) dan peralatan dapur yang asas.
Kaunter pendaftaran dan ruang menunggu	<ul style="list-style-type: none">• Ditempatkan di lokasi yang bersesuaian.
3. KEPERLUAN-KEPERLUAN LAIN	
Tangga kecemasan	<ul style="list-style-type: none">• Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tangga kecemasan mengikut UUKB (WPKL) 1985.
Ruang 'Aircond Ledge'	<ul style="list-style-type: none">• Ruang 'aircond ledge' perlu disediakan di tempat khusus dalam sempadan lot.• 'Air cond compressor' hendaklah disusun dengan teratur dan dilindungi dari pandangan awam.

7.0 GARIS PANDUAN PREMIS

Kriteria Perancangan	Garis Panduan
3. KEPERLUAN-KEPERLUAN LAIN	
Laluan koridor dalaman	<ul style="list-style-type: none">• Perlu dilengkapi dengan sistem pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi.• Kelebaran minimum ialah 4 kaki (1.2 meter).• Hendaklah berterusan dengan bukaan (opening) di kedua-dua penghujung (bagi bangunan sedia ada yang ditukar kepada 'Backpackers Hotel'). Walau bagaimanapun, keperluan ini tidak terpakai bagi bilik-bilik yang mempunyai pengudaraan semula jadi.
Tandas umum	<ul style="list-style-type: none">• Sekurang-kurangnya sebuah tandas umum perlu disediakan di tingkat bawah atau lobi hotel yang mematuhi standard MS 1184:2002 untuk kegunaan OKU.
Ramp	<ul style="list-style-type: none">• Ramp yang disediakan perlu mematuhi keperluan untuk OKU.• Struktur ramp perlu berada sepenuhnya dalam bangunan dan tidak boleh memasuki tempat awam termasuk di laluan beranda.



CONTOH 1 : BACKPACKERS HOSTEL DI RUMAH KEDAI SEDIA ADA



CONTOH 2 : KAUNTER PENDAFTARAN/ RUANG MENUNGGU



CONTOH 3 : RUANG TEMPAT TIDUR



CONTOH 4 : MINI PANTRY



CONTOH 5 : KEMUDAHAN BILIK AIR



CONTOH 6 : RUANG DOBI



CONTOH 7 : SUDUT BACAAN



CONTOH 8 : RUANG DAPUR DAN 'LOUNGE'

8.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini mula berkuatkuasa pada 14.09.2017.

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja